

Negara: SPR Tangguh Kajian Persempadanan Semula Untuk Fokus Pada PRU Ke-13
Bernama
11 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Dewan Negara diberitahu bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memutuskan untuk menangguhkan urusan kajian semula persempadanan semula bagi membolehkan fokus diberi sepenuhnya kepada persediaan Pilihan Raya Umum ke-13.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussein berkata urusan persempadanan semula bahagian pilihan raya bagi seluruh Semenanjung dan Sabah telah cukup tempoh lapan tahun pada 21 Mac 2011.

"Walaupun tempoh sudah cukup, tetapi oleh kerana pilihan raya dijangka tidak lama lagi maka fokus ditumpukan kepada persediaan pilihan raya umum ke-13," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012 pada Persidangan Dewan Negara Rabu.

Awang Adek berkata urusan kajian persempadanan semula bahagian pilihan raya bagi Sarawak pula akan cukup tempoh lapan tahun pada 10 Jun 2013.

Beliau berkata dalam urusan persempadanan semula bahagian pilihan raya, SPR berpandukan kepada prinsip-prinsip yang digariskan dalam Jadual ke-13 Perlembagaan Persekutuan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679785>